



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
SEKTOR DASAR PERCUKAIAN
ARAS 17, MENARA HASIL CYBERJAYA
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR.

Telefon : 03 - 8313 8888

Portal : <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan : MMA 1031/8

Ruj. Kami : LHDN.AG.600-16/1/70

Tarikh : 5 Mei 2026

Setiausaha Agong Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia,
Tingkat 4, MMA House,
No.124 Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur.
[U.P: Dr. Vasu Pillai Letchumanan]

Tuan,

**PERMOHONAN PENGESAHAN BERHUBUNG PERBELANJAAN YURAN
MENDUDUKI PEPERIKSAAN PAKAR PERUBATAN, DIBENARKAN SEBAGAI
POTONGAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 46(1)(f) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan (rujukan: MMA 1031/8)
bertarikh 27 April 2026 berhubung perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada fakta kes yang dikemukakan, secara umumnya Perenggan 46(1)(f) ACP adalah merupakan potongan cukai bagi perbelanjaan yuran pengajian untuk mendapatkan kemahiran atau kelayakan dalam sesuatu bidang yang diiktiraf.
3. Yuran dibayar kepada Institusi atau Badan Profesional di Malaysia dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri serta sesi pengajian dijalankan di mana-mana institusi atau badan profesional yang diiktiraf di dalam Malaysia.
4. Mulai Tahun Taksiran 2021, *kursus up-skilling* atau *self enhancement* diperkenalkan bagi tujuan meningkatkan kemahiran atau memajukan diri dalam apa-apa bidang kemahiran bagi individu pemastautin. Kursus *up-skilling* atau *self enhancement* perlu diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Tuntutan potongan perbelanjaan yuran kursus *up-skilling* atau *self enhancement* adalah terhad kepada amaun maksimum RM1,000 bagi tahun Taksiran 2021.

HASiL

BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA

5. Berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2022 dan 2023, amaun potongan perbelanjaan ini dinaikkan kepada RM2,000. Melalui pindaan Bajet 2024, tempoh bagi potongan perbelanjaan bagi yuran kursus *up-skilling* atau *self enhancement* telah dilanjutkan selama 3 tahun mulai Tahun Taksiran 2024 hingga 2026. Perbelanjaan yuran *up-skilling* atau *self enhancement* ini adalah merupakan sebahagian daripada jumlah maksimum tuntutan yuran bidang pengajian yang dibenarkan berjumlah RM7,000 bagi setiap tahun taksiran.
6. Merujuk permohonan pengesahan Persatuan Perubatan Malaysia berhubung dengan yuran menduduki peperiksaan profesional institusi antarabangsa, dibenarkan sebagai potongan cukai di bawah Perenggan 46(1)(f) ACP 1967, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berpandangan bahawa yuran bagi menduduki peperiksaan oleh pakar perubatan yang dibayar adalah untuk meningkatkan kemahiran dan memajukan diri dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu Persatuan Perubatan Malaysia di mana ianya layak untuk tuntutan di bawah peruntukan tersebut.
7. Sehubungan itu, perbelanjaan yuran menduduki peperiksaan ini layak sebagai potongan cukai tertakluk kepada amaun maksimum RM2,000 dan merupakan sebahagian daripada jumlah maksimum tuntutan yuran bidang pengajian yang dibenarkan berjumlah RM7,000 bagi setiap tahun taksiran.
8. Sila ambil maklum bahawa pandangan ini adalah berdasarkan kepada fakta kes yang dikemukakan dan pandangan ini tidak terpakai sekiranya fakta kes adalah berbeza.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



[ROSNITA BINTI AHMAD]

Ketua Pegawai Dasar Percukaian

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

HASiL

BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA